

Kesan sampingan bukan indikator mutlak vaksin tak selamat

United Kingdom (UK) menjadi negara pertama memulakan pemberian vaksin COVID-19 kepada penduduk mereka selepas mendapat kelulusan Agensi Perundangan Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (MHRA).

Dilaporkan lebih 130,000 penduduk negara itu menerima suntikan pertama vaksin COVID-19. Suntikan susulan kedua dijadual diberi 21 hari selepas suntikan pertama.

Fasa pertama vaksin ini tertumpu pada petugas kesihatan, pekerja pusat jagaan warga tua serta mereka berusia 80 tahun dan ke atas.

Penerima vaksin dijangka akan imun terhadap jangkitan COVID-19 bermula hari ketujuh selepas suntikan susulan kedua diterima.

Imuniti dicapai apabila sistem imun tubuh berjaya merangsang penghasilan antibodi diperlukan untuk melindungi diri daripada patogen penyebab jangkitan.

Perkembangan terbaru vaksin COVID-19 memberi harapan kepada banyak pihak. Ramai teruja untuk melihat sejauh mana keberkesanan vaksin Pfizer-BioNTech yang sebelum ini dilaporkan berjaya mencegah 95 peratus jangkitan COVID-19 ketika kajian klinikal fasa tiga.

Beberapa hari selepas suntikan pertama diberi, dua petugas kesihatan di UK dilaporkan mengalami reaksi alahan. Penelitian lanjut mendapati kedua-dua mereka mempunyai sejarah alahan.

Ini diikuti laporan seorang petugas kesihatan di Amerika Syarikat (AS) yang turut mengalami reaksi alahan serius selepas menerima suntikan. Reaksi sebegini tidak berlaku ketika kajian klinikal dijalankan Pfizer-BioNTech.

Masih tidak dapat dipastikan sama ada reaksi alahan ini disebabkan antigen atau kandungan lain digunakan dalam pembuatan vaksin seperti adjuvan, bahan pengawet atau bahan penstabil.

Berikutan penemuan ini, pihak berkuasa tempatan mengarahkan mereka yang mempunyai sejarah alahan tidak mengambil suntikan vaksin COVID-19. Arahan sama juga diberi kepada mereka yang mengalami alahan selepas suntikan pertama supaya tidak mengambil suntikan kedua.

Perkembangan ini sedikit sebanyak mencetus kebimbangan terhadap status keselamatan vaksin COVID-19 dalam kalangan masyarakat.

Perlu diingat, kesan sampingan selepas suntikan vaksin bukan indikator mutlak ia tidak selamat, sebaliknya memberi isyarat sistem imun tubuh sedang berfungsi dan bertindak balas terhadap suntikan diterima.

Keadaan ini dikenali 'reaktogenisiti' merujuk kesan sampingan berlaku se-

lepas suntikan vaksin seperti sakit di tempat suntikan, keletihan, sakit kepala, otot dan sendi.

Penggunaan vaksin COVID-19 keluaran Pfizer-BioNTech dan Moderna dilaporkan selamat, tetapi bersifat reaktogenik setara vaksin kayap atau shingles berbanding vaksin influenza.

Dalam kes tertentu, suntikan vaksin ini boleh menyebabkan ketidakselesaan selama beberapa hari.

Berikutan itu, Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit (CDC) menyarankan petugas kesihatan dan pusat jagaan diberi suntikan vaksin secara berperingkat bagi memastikan operasinya tidak terjejas akibat kemungkinan reaktogenisiti.

Malaysia dijadualkan menerima vaksin COVID-19 pada Febuari 2021. Ini memberi ruang untuk kita menilai keberkesanan vaksin itu dengan merujuk negara yang memulakan imunisasi lebih awal.

Reaksi alahan juga boleh berlaku akibat status hipersensitif tubuh terhadap bendasing atau alergen yang pada kebiasaannya tidak berbahaya seperti ubat-ubatan, makanan dan debu.

Alahan boleh dicirikan dengan pembentukan ruam, bengkak pada tekak atau lidah, sesak nafas, muntah, sakit kepala dan tekanan darah rendah.

Anafilaksis pula ialah reaksi alahan serius yang berlaku dengan pantas dan boleh menyebabkan kematian sekiranya tidak dirawat segera.

Ketika ini Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan AS (FDA) dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di Kementerian Kesihatan (KKM) sedang meneliti laporan rasmi hasil kajian vaksin COVID-19 daripada Pfizer-BioNTech sebelum ia boleh didaftarkan untuk penggunaan orang ramai.

Ini menunjukkan kerajaan amat teliti dalam membuat keputusan dan kekal meletakkan keutamaan pada kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Malaysia dijadualkan menerima vaksin COVID-19 pada Febuari 2021. Ini memberi ruang untuk kita menilai keberkesanan vaksin itu dengan merujuk negara yang memulakan imunisasi lebih awal.

Memandangkan COVID-19 wabak baharu, tahap keberkesanan, keselamatan dan kesan sampingan vaksin adalah terhad dan belum diketahui.

Justeru, beberapa langkah keselamatan tambahan mungkin diperlukan selain prosedur dan garis panduan sedia ada dalam program imunisasi KKM.

Antaranya kepentingan memantau status kesihatan dan sejarah perubatan penerima vaksin. Sebagai persediaan, suntikan perlu dilakukan di fasiliti yang memiliki kemudahan perubatan diperlukan sekiranya situasi kecemasan berlaku.

Pemantauan perlu dilakukan beberapa jam pertama selepas suntikan vaksin diberi. CDC menyarankan supaya mereka yang mempunyai sejarah alahan dipantau selama 30 minit selepas suntikan diberi dan 15 minit untuk mereka yang tiada sejarah alahan.

Penerima vaksin juga diingatkan sentiasa peka dengan sebarang simptom dialami dan segera memaklumkan kepada pegawai kesihatan.

Secara keseluruhannya, perkembangan berkaitan vaksin COVID-19 ini memberi banyak input tambahan mengenai kepentingan langkah berjaga-jaga, jangkaan dan persediaan dalam memastikan kelancaran proses pemberian vaksin COVID-19 di Malaysia kelak.

Semoga kita menemui penyelesaian terhadap situasi ini.

Penulis adalah Pensyarah Kanan Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia



Dr Seri Narti Edayu Sarchio



Kesan sampingan selepas divaksin beri isyarat sistem imun tubuh sedang berfungsi dan bertindak balas terhadap suntikan. (Foto hiasan)

